# The MET, bangunan pintar masa depan

## PEJABAT KORPORAT GRED A PERTAMA, DI KL METROPOLIS



Kedudukan The MET di tengah-tengah KL Metropolis, amat strategik.

Menawarkan perkhidmatan khusus dalam bidang perundingan, pengurusan dan pembangunan hartanah yang terbaik, Triterra Metropolis Sdn Bhd memberi peluang kepada pelabur-pelaburnya sebuah nilai dan pengalaman mengagumkan.

Falsafah Triterra adalah 'berkembang melalui kaca mata pelabur' mereka. Dan cerita Triterra dibentangkan menerusi projek sulungnya, The MET Corporate Towers (The MET).

The MET sebuah menara korporat merupakan bangunan komersial berstatus strata gred A yang pertama di KL Metropolis. Ia bukanlah sekadar sebuah bangunan konkrit yang dibina hanya untuk melancarkan perjalanan sebuah organisasi atau syarikat.

Sebaliknya The MET merupakan satu jenama yang mampu memenuhi keperluan dan tuntutan masa depan generasi kini.

Melalui pendekatan yang dirancang untuk pengembalian pelaburan yang mampan, Triterra mewujudkan pasaran bagi para pelabur secara aktif bagi memastikan kejayaan projek untuk pemuliharaan nilai jangka panjang.

Dengan menyediakan tiga zon pejabat yang berbeza, The MET bersedia menjadi sebuah destinasi perniagaan dan mercu tanda di KL Metropolis untuk generasi akan datang.

### MENGGABUNGKAN KOMUNITI BISNES

The MET merupakan sebuah bangunan pintar yang menggabungkan komuniti bisnes yang berbeza dari segi bidang dan saiz, sama ada tempatan mahupun antarabangsa. Dari sebuah perusahaan kecil dan sederhana (SME) ke syarikat multinasional (MNC).

Ketua Pegawai Eksekutif, Christopher Lim berkata, The MET direka bagi memenuhi gaya hidup bisnes generasi milenial berdasarkan konsep 'The New Business Class' dengan imej berprestij korporat.

Reka bentuk dan ciri-ciri yang ditampilkan The MET begitu unik, termasuk pelbagai kemudahan yang disediakan mementingkan cara bisnes dijalankan.

"Triterra mencipta ruang khas, The 3rd Space yang menyatukan kemudahan kerja dan gaya hidup profesional kini. The MET turut menempatkan pusat bisnes dan bilik-bilik mesyuarat pelbagai saiz dan sebuah gimnasium yang lengkap.

"Selain itu The MET memberikan-

